

Cisco sertai panggilan Roma untuk etika AI

VATIKAN: Ketua Pegawai Eksekutif Cisco Systems menandatangani ikrar etika kecerdasan buatan (AI) di Vatikan pada April 24. Cisco System merupakan sebuah syarikat konglomerat teknologi komunikasi digital multinasional Amerika yang membangun, mengeluarkan dan menjual perkakasan rangkaian, perisian, peralatan telekomunikasi dan perkhidmatan dan produk teknologi tinggi yang lain. Cisco merupakan syarikat gergasi teknologi terkini yang menyertai panggilan Gereja untuk penggunaan beretika dan bertanggungjawab AI.

Chuck Robbins, ketua eksekutif konglomerat komunikasi digital multinasional, bertemu secara peribadi dengan Sri Paus Fransiskus sebelum menandatangani Panggilan Roma untuk Etika AI (*Rome Call for AI Ethics*), dokumen oleh Dewan Kepausan untuk Kehidupan.

Dokumen "Panggilan Roma untuk Etika AI" diterbitkan oleh Dewan Kepausan pada Februari 2020. Sebelum ini Presiden Microsoft, Brad Smith dan Eksekutif IBM, John Kelly III, telah menandatangani dokumen tersebut.

"Panggilan Roma untuk Etika AI" menekankan keperluan untuk "algor-etika" iaitu seruan untuk menggunakan etika kecerdasan buatan mengikut prinsip ketelusan, inklusi, tanggungjawab, ketidakberpihakan, keandalan, keselamatan dan privasi."

"Bagi mengembangkan dan menerapkan sistem AI yang bermanfaat bagi umat manusia dan planet ini sambil berlaku sebagai alat untuk membangun dan mempertahankan perdamaian internasional, pengembangan AI harus berjalan seiring dengan langkah-langkah keamanan digital yang kuat dan harus menempatkan tema melindungi hak-hak asasi manusia dalam era digital," demikian petikan dokumen Panggilan Roma untuk Etika AI.



Agar kemajuan teknologi selaras dengan perkembangan nyata bagi umat manusia dan rasa hormat terhadap planet ini, maka harus memenuhi tiga persyaratan iaitu kemajuan AI harus mengutamakan manusia, digunakan demi kebaikan ekosistem, peduli dan melindungi planet ini (rumah kita bersama).

Selain itu, setiap orang harus sedar bahawa ketika menggunakan AI, mereka sedang berinteraksi dengan sebuah mesin.

Robbins berkata bahawa prinsip "Panggilan Roma" adalah sejajar dengan kepercayaan teras Cisco bahawa teknologi harus dibina di atas asas kepercayaan di peringkat tertinggi untuk menjana masa depan yang inklusif untuk semua.

Bertahun-tahun sebelum keluaran sistem *chatbot* GPT-4 yang popular dan dibangunkan oleh *OpenAI*, Vatikan sudah

Setiap orang harus sedar bahawa ketika menggunakan AI, mereka sedang berinteraksi dengan sebuah mesin — dokumen "Panggilan Roma untuk etika AI."

banyak terlibat dalam perbincangan etika kecerdasan buatan, menganjurkan perbincangan peringkat tinggi dengan para saintis dan eksekutif teknologi mengenai etika kecerdasan buatan pada 2016 dan 2020.

Sri Paus Fransiskus juga menubuhkan Yayasan *RenAIssance* pada April 2021 sebagai yayasan bukan untung bagi menyokong refleksi antropologi dan etika teknologi baharu dalam kehidupan manusia.

Bapa Suci juga memilih topik kecerdasan buatan sebagai tema pesan keamanan 2024 di mana prelatus itu menyeru agar pemimpin global menerima pakai perjanjian antarabangsa untuk mengawal selia pembangunan dan penggunaan AI. — *CNA*



Seorang wanita memberikan hadiah kepada Sri Paus semasa audiensi dengan para pelajar Jaringan Sekolah Perdamaian Italia di Vatikan. Gambar: Media Vatikan.

Perdamaian tidak dapat dibangun dengan 'berbaring di sofa'

ROMA: Benih-benih perdamaian dapat bertumbuh jika kita tidak aktif dalam suatu kegiatan, tidak menunjukkan kepedulian atau prihatin terhadap seseorang yang sedang berjuang, memungut sampah dan berdoa memohon pertolongan Tuhan, kata Sri Paus Fransiskus kepada para pelajar dari sekolah-sekolah di Itali.

"Pada era yang diwarnai perang, saya memohon kalian untuk menjadi seniman perdamaian," kata Bapa Suci kepada sekitar enam ribu pelajar dari Itali yang terlibat dalam Jaringan Nasional Sekolah Perdamaian, sebuah program pendidikan kewarganegaraan yang mendidik para pelajar agar peduli dengan diri mereka sendiri, rakan-rakan mereka, komuniti, dunia dan alam sekitar.

Sepanjang pertemuan tersebut, Sri Paus Fransiskus juga memimpin doa hening bersama para pelajar yang ditujukan bagi kanak-kanak di Ukraine dan di Gaza.

"Dalam masyarakat yang masih terpenjara budaya

buang, saya meminta anda untuk menjadi protagonis keterangkuman (*inclusion*); dalam dunia yang terkoyak oleh krisis global, saya meminta anda untuk menjadi pembina masa depan, supaya rumah bersama kita boleh menjadi tempat persaudaraan," seru Bapa Suci.

Sri Paus Fransiskus menarik perhatian para pelajar tentang Sidang Kemuncak Masa Depan PBB, yang dijadualkan pada September 22-23 di New York untuk merangka "Pakatan Masa Depan" yang menggalakkan kerjasama dan perkongsian antarabangsa bagi memastikan "dunia yang lebih selamat, lebih aman, lebih adil, lebih saksama, lebih inklusif, lebih mampan dan lebih makmur."

"Dunia boleh berubah menjadi lebih baik hanya apabila kita berpijak di bumi nyata 'bukan berbaring di sofa', menggunakan media untuk mewujudkan hubungan dan berdoa," kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Mengapa ada polarisasi?

Mengapa kita tidak lagi bergaul antara satu sama lain? Mengapakah terdapat polarisasi yang begitu menyedihkan di dalam negara kita, kejiranan kita, Gereja kita dan juga dalam keluarga kita?

Mengapa kita berasa sangat tidak selamat dalam perbualan kita, di mana kita sentiasa berjaga-jaga agar tidak mencetuskan kontroversi politik, sosial atau moral?

Kita semua mempunyai teori sendiri tentang sebab ini dan kebanyakan sebab itu mengakibatkan kita memilih saluran berita dan rakan kita untuk menyalurkan pandangan kita sendiri. Mengapa?

Izinkan saya mencadangkan jawapan daripada sumber kuno, kitab suci. Dalam kitab suci Ibrani (Perjanjian Lama), nabi Maleakhi menyatakan pandangan tentang asal-usul polarisasi, perpecahan, dan kebencian.

Sambil menggemakan suara Tuhan, nabi itu menulis: "Oleh itu, Aku telah menjadikan kamu hina dan hina di hadapan semua orang, kerana kamu tidak berpegang pada jalan-Ku, tetapi memihak dalam keputusanmu. Bukankah kita semua mempunyai satu Bapa? Bukankah Tuhan yang menciptakan kita? Mengapa kita memecahkan kepercayaan antara satu sama lain?"

Bukankah petikan itu sangat sesuai untuk kita hari ini, lebih-lebih lagi wujud polarisasi dan kebencian dalam kerajaan kita, Gereja kita, komuniti kita dan keluarga kita, di mana sebahagian besarnya, kita tidak lagi menghormati antara satu sama lain dan berjuang walaupun untuk beradab dengan satu sama lain? Kita tidak lagi mempercayai antara satu sama lain. Rasa percaya sudah tidak ada dalam kamus kehidupan kita.

Lebih-lebih lagi, ini melanda kedua-dua belah spektrum ideologi, politik, sosial dan gerejawi.

Kedua-dua pihak mempunyai ideologi tertentu yang tidak menyokong mereka yang tidak berkongsi pandangan seperti mereka, paranoid tentang konspirasi tersembunyi, tidak berkompromi dan tidak



Kita boleh berasa benci dan marah tetapi jangan menyebarkan perpecahan dan menghasut orang lain untuk bertelingkah. — Fr Ron Rolheiser.

menghormati malah memperkecilkan sesiapa sahaja yang tidak mempunyai perspektif yang sama dengan mereka.

Dan, sebahagian besarnya, mereka menyebarkan, menyokong dan mengamalkan kebencian — percaya bahawa semua ini dilakukan untuk berkhidmat kepada Tuhan, kebenaran, tujuan moral, pencerahan, kebebasan, atau nasionalisme.

Seseorang pernah berkata, tidak semuanya boleh diperbaiki atau diubah, tetapi ia harus ditanganikan dengan betul.

Kita perlu menamakan ini. Kita perlu berkata dengan lantang, ini salah. Kita perlu mengatakan dengan lantang bahawa semua ini tidak boleh dilakukan atas nama cinta.

Dan kita perlu berkata dengan lantang bahawa kita tidak boleh merasionalkan kebencian dan rasa tidak hormat atas nama Tuhan, Alkitab, kebenaran, tujuan moral, kebebasan, pencerahan dan sebagainya. Ini perlu dinamakan, tidak kira di mana sahaja kita berada di tengah-tengah semua perdebatan yang memecahbelahkan dan penuh kebencian yang mendominasi wacana awam hari ini.

Setiap daripada kita perlu memeriksa dirinya sendiri, sama ada kita memiliki sikap pilih kasih iaitu, betapa sedikitnya kita mahu memahami sisi lain, adakah kita mempunyai rasa hormat terhadap beberapa individu, adakah ucapan untuk orang-orang tertentu masih sopan atau tidak dan memeriksa diri kita, berapa banyak kebencian tanpa sedar telah menyelalap ke dalam hidup kita.

Kemudian, kita juga memerlukan pemeriksaan diri kedua. Perkataan *sincere* (ikhlas) berasal daripada dua perkataan Latin (*sine*:tanpa dan *cere*: lilin).

Menjadi ikhlas "tanpa lilin", menjadi diri anda yang sebenar, di luar pengaruh orang lain bukanlah mudah.

Bagaimana kita menggambarkan diri sendiri, apa yang kita percaya dan pandangan kita terhadap kebanyakan perkara pada masa tertentu sangat diwarnai oleh sejarah peribadi kita, luka-luka yang pernah kita alami, dengan siapa kita tinggal, kerja apa yang kita lakukan, siapa rakan sekerja dan sahabat kita, negara kita dan ideologi politik, sosial dan agama yang kita sedut dengan udara yang kita hirup.

Bukan mudah untuk mengetahui apa yang sebenarnya kita fikirkan atau rasakan tentang sesuatu isu.

Adakah kita ikhlas atau adakah reaksi kita lebih bergantung pada siapa rakan dan rakan sekerja kita dan dari mana berita yang kita dengar atau perolehi.

Memandangkan perjuangan kita untuk keikhlasan, terutamanya dalam iklim perpecahan, rasa tidak hormat dan kebencian kita sekarang, kita mungkin bertanya kepada diri sendiri, berapa banyak perkara yang saya minati telah menjana kebencian terhadap orang lain, berapa kuat akar keikhlasan berbanding dengan ideologi kita, atau bagaimana reaksi emosi atau intelek naluri terhadap sesuatu yang kita tidak suka?

Ini tidak mudah untuk dijawab, difahami. Sebagai manusia, kita adalah kompleks secara patologi dan pencarian untuk keikhlasan adalah pencarian seumur hidup.

Walau bagaimanapun, semasa dalam perjalanan ke arah keikhlasan itu terdapat beberapa peraturan manusia dan rohani yang tidak boleh diabaikan.

Nabi Maleakhi dalam alkitabiah menamakan salah seorang daripada mereka: "Jangan pilih kasih dalam keputusanmu dan jangan memecahkan iman satu sama lain". Apa yang dapat kita huraikan di sini?

Namun begitu, anda mempunyai hak untuk berjuang, tidak bersetuju dengan orang lain, bersemangat untuk kebenaran, kadang-kadang marah, dan (ya) walaupun sekali-sekala merasa benci (kerana benci bukan lawan cinta namun sebenarnya lawan cinta ialah sikap acuh tak acuh).

Tetapi anda tidak boleh sekali-kali menyebarkan kebencian dan perpecahan atau membela mereka yang menimbulkan pertelingkah dengan menggunakan nama kebaikan; sebaliknya tempatkan keikhlasan di hati kita dan kita perlu merawat sesiapa sahaja yang mempunyai rasa tidak percaya dan membuatkan mereka yang secara proaktif menyokong kebencian dan perpecahan. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Tuhan adalah KASIH

Bacaan kedua dan Injil untuk hari Minggu ini karangan Sto Yohanes, Penulis Injil.

Kata-kata Yesus dalam Injil itu diucapkan-Nya semasa Perjamuan Malam Terakhir. Yesus menunjukkan roti dan anggur sebagai tubuh-Nya sendiri kepada para murid-Nya.

Dia ingin supaya murid-murid-Nya saling mengasihi seperti Dia mengasihi mereka.

Dan dalam pembacaan kedua, Yohanes menegaskan, bahawa Tuhan adalah kasih. "Sesiapa tidak mengasihi, dia tidak mengenal Tuhan, sebab Tuhan adalah kasih"(1 Yoh 4:8).

Marilah kita mendengarkan sabda Tuhan bukan hanya dengan pendengaran telinga kita, tetapi sekaligus dengan pendengaran hati kita yang terbuka dan peka terhadap kasih-Nya.

Sebagai seorang murid, Yohanes dalam usia lanjutnya menerangkan kepada kita dalam surat dan Injilnya apa ertinya menjadi murid Yesus yang sebenarnya. Kita pun secara rasmi disebut murid Yesus Kristus, sebab kita telah dibaptis menjadi orang Kristiani, menjadi murid Yesus, menjadi pengikut Kristus. Apa erti panggilan kita sebagai sahabat Yesus?

Menjadi murid Yesus bererti mengenal

Dia, seperti yang kita temui dalam Kitab Suci.

Dalam Kitab Suci Yesus memperkenalkan Tuhan kepada kita bukan sebagai Tuhan yang jauh dan tidak dapat didekati, sebaliknya sebagai Yesus dari Nasaret, yang diutus Bapa-Nya serta memperlihatkan diri-Nya sebagai seorang Bapa, yang sungguh prihatin, malah mahu menyelamatkan umat manusia.

Di samping Yohanes, tiga penulis Injil lainnya: Markus, Matius dan Lukas, berbicara tentang peribadi, pewartaan dan perbuatan Yesus.

Mereka masing-masing mempunyai cara tersendiri tetapi dengan tujuan yang sama: mewartakan kasih Tuhan kepada kita tanpa batas.

Yohanes mengatakan bahawa Yesus adalah seorang Gembala baik yang berkata: "Aku datang, supaya mereka (iaitu kita) mempunyai hidup, dan mempunyainya dalam segala kelimpahan" (Yoh 10:10).

Dalam Injil hari ini, kita mendengarkan kata-kata Yesus yang begitu berharga dan merupakan sumber kebahagiaan kita sebagai murid-Nya: "Aku tidak menyebut kamu lagi hamba, sebab hamba tidak tahu, apa yang diperbuat oleh tuannya, tetapi Aku menyebut kamu sahabat, kerana Aku

telah memberitahukan kepada kamu segala sesuatu yang telah Ku dengar dari Bapa-Ku" (Yoh 15:15).

Betapa menggembirakan dan membanggakan bahawa kita dianggap sahabat oleh Yesus sendiri, Putera Tuhan Bapa!

Tetapi seruan perintah Tuhan kepada kita juga sangat kuat iaitu supaya kita sungguh mahu hidup bersama dengan sesama kita sebagai sahabat!

Tuhan menganggap kita sebagai sahabat-Nya, kita dijadikan sahabat-Nya. Dia adalah teladan hidup kita bersama orang lain sebagai sahabat. Persahabatan atas dasar kasih: inilah kiranya pesan ketiga-tiga pembacaan hari Minggu ini untuk kita!

Ada dua unsur hakiki yang merupakan ciri khas persahabatan sejati. Unsur pertama ialah, di antara sahabat tidak ada rahasia.

Buktinya, Kristus mengatakan kepada kita segala sesuatu yang didengarkan dari Bapa-Nya. Dia mempunyai kepercayaan sepenuhnya kepada kita.

Kedua, Dia telah memperlihatkan wajah-Nya dan isi hati-Nya sendiri sepenuhnya kepada kita, tiada yang disembunyikan.

Akhirnya sebagai gabungan kedua-dua unsur itu, Yesus memperlihatkan kelem-

HARI MINGGU PASKAH VI (TAHUN B)

KISAH PARA RASUL 10:

25-26,34-35,44-48

1 YOHANES 4:7-10

INJIL YOHANES 15:9-17

butan hati dan kasih-Nya yang berkobar-kobar kepada kita, yang dihayati-Nya sepenuhnya sampai luar batas iaitu di kayu salib.

Pesan Injil kepada kita hari ini ialah: kita harus sungguh menganggap dan bersikap serta bertindak kepada sesama kita, siapapun juga, sebagai sahabat sejati.

Kesungguhan penghayatan kasih kita kepada sesama menurut perintah Kristus akan dipakai sebagai ukuran untuk menentukan apa yang benar dan apa yang palsu, di antara kesungguhan dan penipuan atau kebohongan hidup kita sebagai murid Yesus sejati.

Kita hanya dapat menjadi murid Yesus kalau kita sungguh menjadi sahabat-Nya. Dan kita hanya sungguh menjadi murid-Nya, apabila kita mengasihi sesama kita, seperti Kristus telah mengasihi kita sebagai sahabat-Nya! — *Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.*

SOCCOM Lahad Datu anjur rekoleksi AI dan kebijaksanaan hati

LAHAD DATU: “Bagaimana kita boleh mengekalkan kemanusiaan kita dalam menghadapi transformasi budaya yang dicetuskan oleh kecerdasan buatan (AI) agar kita dapat mencapai tujuan yang baik?” berikut merupakan soalan yang diajukan oleh Sri Paus Fransiskus dalam menghadapi teknologi kecerdasan buatan.

Menyahut seruan Bapa Suci Fransiskus, Komiti Komunikasi Sosial (KOMSOS) paroki St Dominic, telah menganjurkan rekoleksi di Borneo *Paradise Eco Farm*, baru-baru ini bersama Fr Stanley Matakim.

Hari pertama dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Stanley.

Selepas sarapan pagi, Fr Stanley mengendalikan sesi “*Commitment and Communication Message*” yang mengulas isi kandungan pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Komunikasi Sedunia 2024.

Fr Stanley mengajak para peserta untuk membina masyarakat digital yang lebih

beradab, di mana kasih sayang, hormat menghormati dan kebenaran menjadi nilai-nilai yang sentiasa diutamakan.

Satu lagi aspek yang ditekankan oleh Bapa Suci Fransiskus adalah kepentingan kesederhanaan dan kejujuran dalam komunikasi kita.

Dalam dunia yang serba canggih ini, kita sering berkeinginan untuk lebih menonjol atau mempertahankan imej yang sempurna dalam media sosial.

Namun, Bapa Suci mengingatkan kita bahawa ketulusan dan kesederhanaan adalah kunci untuk membangun hubungan yang bermakna dengan orang lain.

Rekoleksi kemudiannya diteruskan dengan sesi “Peranan dan Fungsi SOCCOM serta cara-cara asas penulis artikel” dan “*Workshop Photographer dan Videographer Skill*”.

Kemuncak program rekoleksi ini ialah Misa memperingati arwah Fr Marcellinus Pongking yang ke-100 hari yang diadakan di Gereja St Peter, Kunak.



Fr Stanley Matakim memimpin Misa Kudus sempena rekoleksi SOCCOM paroki Lahad Datu.

Guru Sekolah Minggu dilatih ajar katekismus



LUNDU, Sarawak: Program Pembentukan Guru Sekolah Minggu (*Sunday School teachers*) telah diadakan di Paroki *Holy Spirit*, Lundu.

Seramai 49 orang guru baharu katekismus mendaftar diri untuk menghadiri program tersebut.

Dalam program ini, guru-guru baharu didedahkan kepada buku panduan guru dan buku teks murid Sekolah Minggu.

Pengenalan dan tujuan pembentukan ini disampaikan oleh Fr Adrian Kho, rektor di Paroki *Holy Spirit*.

Sdri Ra Flora, salah seorang guru katekismus yang berpengalaman, turut menyam-

paikan perkongsian dan pengalamannya sebagai guru Sekolah Minggu.

Program pembentukan guru baharu ini telah dijadikan sebagai program tahunan.

Sekolah Minggu Paroki *Holy Spirit* menyediakan program rekoleksi sebanyak dua kali setahun, pembentukan guru baharu sekali setahun, aktiviti riadah sekali setahun dan kem kanak-kanak sekali setahun. Ini merupakan takwim tahunan yang telah ditetapkan.

Program pembentukan guru Sekolah Minggu ini diakhiri dengan Misa Kudus dan jamuan tengah hari. — *Today's Catholic*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Reinkarnasi dan Karma

Mengapakah reinkarnasi dan karma tidak sesuai dengan ajaran iman Katolik? — Darren Bernadus

Reinkarnasi dan karma adalah bertentangan dengan iman Katolik.

Reinkarnasi adalah proses lahir kembali yang dialami oleh jiwa (*atma*). Setelah kematian jiwa (*atma*) akan lahir kembali dalam kehidupan selanjutnya.

Menurut reinkarnasi, kematian akan selalu diikuti kelahiran kembali, terus-menerus, mengikuti hukum sebab akibat (*karma*). Bergantung perbuatan seseorang semasa hidupnya, begitulah kehidupannya selanjutnya.

Kalau orang terlalu terikat pada keinginan dan tidak mencari kebenaran universal, dia akan terjebak terus di dalam lingkaran *samsara*.

Hanya bila orang mahu belajar kebenaran, berlatih memberi dan bersikap baik serta rajin berkontemplasi, dia akan dapat keluar dari lingkaran ini.

Dia akan mencapai kebahagiaan tertinggi dan tidak akan masuk dalam lingkaran mati dan lahir terus-menerus ini — semua ini adalah bertentangan dengan erti kehidupan seperti yang diajarkan dalam Gereja Katolik.

Bagi Gereja Katolik, kematian hanya berlangsung satu kali sahaja. Kehidupan akan berakhir semasa kita mati.

“Kematian adalah titik akhir ziarah manu-

sia di dunia, titik akhir dari masa rahmat dan belas kasihan, yang Tuhan berikan kepadanya, supaya menjalani kehidupan dunia ini sesuai dengan rencana Tuhan dan dengan demikian menentukan nasibnya yang terakhir.

“Apabila jalan hidup duniawi kita yang satu-satunya sudah berakhir” (LG 48), kita tidak kembali lagi, untuk hidup beberapa kali lagi di dunia. “Manusia ditetapkan untuk mati hanya satu kali saja dan sesudah itu dihakimi” (Ibr. 9:27).

Sesudah kematian tidak ada ‘reinkarnasi’” (KGK 1013). Sesudah kematian, roh kita akan menghadap Tuhan, yang telah menciptakan dan mengasihinya kita.

Inilah yang disebut pengadilan peribadi, dan akan memperoleh ganjaran sesuai kasih-Nya. Bila manusia masih memiliki dosa yang belum diampuni, orang Katolik percaya adanya *purgatorium*, di mana tersedia api kasih Tuhan yang menyucikan, sampai akhirnya dia layak menghadap Tuhan dalam kebahagiaan surga.

Selain itu, bagi orang Katolik, keselamatan adalah kerana rahmat Tuhan, bukan kerana perbuatan-perbuatannya.

Keselamatan adalah anugerah, bukan hasil pencapaian atau usaha kita sendiri melainkan oleh kemurahan hati Tuhan.

Tentu sahaja, dengan berbuat baik, kita bekerja sama dengan rahmat Tuhan dan sekaligus menghasilkan buah-buah kebaikan.

Karma

Karma berhubungan dengan keyakinan bahawa perbuatan baik atau buruk, akan mendatangkan berkat atau petaka bagi pelakunya.

Dalam hukum karma, dikatakan setiap perbuatan kita akan kembali kepada kita. Siapa menabur kebaikan akan menerima kebaikan; demikian pula sebaliknya.

Bahkan karma juga dapat berterusan pada kehidupan berikutnya, dalam peristiwa mati dan lahir reinkarnasi.

Iman Katolik tidak mempercayai diri pada hukum karma, kerana dengan rahmat pembaptisan, kita mempunyai kebebasan sebagai anak-anak Tuhan.

Kita percaya akan misteri penyelenggaraan Tuhan yang memelihara kita dengan penuh kasih sayang, bukannya percaya kepada hukum sebab akibat.

Tuhan berkuasa menganugerahkan kebaikan pada manusia, tetapi kadang-kadang Tuhan juga mengizinkan kita mengalami penderitaan dan memikul salib, agar kita matang dalam iman.

Tuhan mendewasakan kita dengan pelbagai peristiwa dan dalam segala sesuatu itu, kita diundang untuk mencari kehendak-Nya.

Oleh itu perbuatan orang beriman hendaknya dilakukan dengan tulus bukan kerana ingin mendapatkan imbalan atau kerana takut malapetaka, di dunia sekarang mahupun yang akan datang, melainkan kerana ingin bekerja sama dengan Tuhan, Sang Juruselamat dan Penyelenggara yang murah hati. — *hidupkatolik*


Sahabat kecil Yesus

KERANA ITU PERGILAH, JADIKANLAH SEMUA BANGSA MURID-KU DAN BAPTISLAH MEREKA DALAM NAMA BAPA DAN ANAK DAN ROH KUDUS (MAT 28:19)




CARI SEMBILAN PERBEZAAN PADA GAMBAR INI.

Bongkar kod rahsia di bawah. Tuliskan jawapan yang betul mengikut simbol.



1 YOHANES 4:7

Bantu kanak-kanak ini ke taman permainan. Elakkan jalan berlubang dan halangan-halangan lain.



- ☞ ITU
- ☹ DARI
- ❄ KASIH
- BERASAL
- ✝ TUHAN

Cari Perkataan Tersembunyi

SAHABATHJOIPKLM
 AEDRTYUIWNYTSYU
 MAKASIHGBAPAPDI
 RQPERINTAHISIHI
 VMTRISUKACITAGH
 CNYAWAPITINGGAL
 FERMENGASIHC

- TINGGAL
- SUKACITA
- PERINTAH
- SAHABAT
- BAPA
- MENGASIHI
- NYAWA
- KASIH



Hello adik-adik,

Apa khabar? Tahukah adik-adik bahawa Yesus memanggil kita SAHABAT! Bukankah hal ini sangat mengembirakan?

Yesus adalah Raja semesta alam, putera tunggal Tuhan, Sang Juruselamat, kudus dan mulia tetapi Dia memilih kita, sebagai sahabat-Nya!

Alangkah baiknya mempunyai sahabat seperti Yesus.

Dia bukan sahaja memanggil kita sahabat-Nya tetapi juga amat mengasihi kita sehingga sanggup menyerahkan nyawa-Nya demi menebus dosa-dosa kita.

Adik-adik, mengasihi Tuhan dan sesama memang ada cabarannya.

Contohnya, orang yang selalu bercakap tidak benar tentang kita - bagaimana kita dapat mengasihi orang ini?

Namun jika kita tidak mengasihi, "ia tetap di dalam maut." (1Yoh 3:14b). Ini bermakna, mengasihi adalah jalan ke syurga dan tanpa kasih, dunia ini pasti tidak akan aman.

Agar dapat mengasihi Tuhan dan sesama, mari kita hayati semula 10 hukum Tuhan dan memeriksa peribadi kita, sama ada kita menyayangi Tuhan dan sesama atau mementingkan diri?

Semoga Tuhan memberkati kita semua.

Salam sayang Auntie Melly

BELIA MILENIUM

Menyalakan cahaya spiritualiti di kalangan gembala muda

PULAU PINANG: Dengan matlamat memupuk dan melengkapkan golongan muda sebagai saksi "Kristus yang sungguh Hidup" (CV 64), Jaringan Belia Keuskupan Pulau Pinang (PDYN) telah menganjurkan retret kepimpinan yang berlangsung di Katedral Roh Kudus pada April 9-12.

Seramai 44 belia yang terdiri daripada mahasiswa dan bekerja menyertai retret yang dimulakan dengan Misa Kudus. Misa Kudus dipimpin oleh Fr Simon Anand, Ketua PDYN, bersama Fr Francis Anthony, Fr Desmond Jansen dan Fr Esmond Chua OFM.

Pada hari kedua, para peserta

menghayati tema "Spiritualiti" yang membantu mereka mengenali identiti mereka dalam Kristus dan belajar memimpin diri sendiri sebelum memimpin orang lain.

Sesi yang disampaikan oleh Audrey Cheah itu juga menjelaskan bagaimana umat Katolik yang telah dibaptis dapat bertindak balas terhadap misiewartakan Khabar Gembira Tuhan.

Selepas sesi kedua, para peserta menumpukan perhatian kepada sesi ketiga, "Kesejahteraan Emosi" yang dikendalikan oleh Dr Mary Bharathy.

Sesi itu menjelaskan tentang tekanan, kesihatan mental dan cara un-



tuk mendapatkan bantuan.

Kemuncak acara untuk hari kedua ialah aktiviti luar yang digelar *Scavenger Hunt*.

Tema, "Di dunia tetapi bukan milik dunia ini" membimbing para peserta pada hari ketiga.

Selepas doa pagi, Stanley Sudhagan memimpin sesi permainan kad 'Build Your Town' yang menajamkan kemahiran belia sebagai pemimpin.

Selepas itu, dalam sesi "Literasi Kewangan", para peserta belajar tentang kehematan kewangan dan pandangan alkitabiah tentang kepimpinan.

Sesi keenam adalah mengenai "Seksualiti" yang dijalankan secara berasingan untuk peserta lelaki dan wanita.

Bagi sesi untuk lelaki, ia diketuai oleh Fr Michael Raymond OFM Cap, manakala sesi untuk wanita diketuai oleh Cik Sharon Nicholas.

Kemudian, para peserta mengambil bahagian dalam Misa Penyembuhan yang dipimpin oleh Fr Simon bersama Fr Desmond. Selepas itu, para peserta mengadakan Perbualan Rohani dan mendengar testimoni.

Sebelum para peserta kembali ke tempat masing-masing, mereka diutus dalam Misa Kudus yang diselebrankan oleh Fr Esmond dan Fr Simon.

Dalam Misa itu, mereka memegang lilin bernyala yang menandakan mereka diutus untuk menjadi cahaya dunia dan menjadi gembala baik di paroki serta kampus di mana mereka berada.



44 peserta Retret Kepimpinan anjuran PDYN diutus menjadi cahaya Kristus di kampus dan di tempat kerja mereka masing-masing.

TELUPID: Seorang pelayan Altar dipanggil untuk membantu selebran utama dalam merayakan peristiwa keselamatan dalam liturgi.

Pada April 12 lalu, seramai 182 orang belia dan kanak-kanak berumur 10 hingga 25 tahun dari seluruh paroki St Martin, Telupid telah menyertai Rekoleksi Pelayan Altar yang dianjurkan bersama oleh Komiti Liturgi dan Kerasulan Belia Paroki.

Rekoleksi ini dijalankan untuk memberikan peneguhan iman dalam pelayanan sebagai pelayan Altar.

Rekoleksi dimulakan dengan pendaftaran dan disusuli dengan upacara Pentakhtaan Alkitab.

Selepas itu, paderi paroki St Martin, Fr Christopher Ireneus menyapaikan sesi bertajuk "Peranan dan Tanggungjawab Pelayan Altar".

Kemudian, dalam sesi kedua, Fr Christopher memperkenalkan dan menjelaskan peralatan-peralatan liturgi



Rekoleksi Pelayan Altar di St Martin Telupid

yang sering digunakan semasa perayaan liturgi Gereja.

Rekoleksi diteruskan dengan sesi kesedaran panggilan kepaderian dan religius.

Sesi ini disampaikan oleh paderi dan Sr Clarice George dari kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC). Sr Clarice mengonsikan tahap-tahap yang perlu dilalui dalam perjalanan menjadi

seorang Sister dan aktiviti-aktiviti rutin dalam kehidupan seorang religius FSIC.

Di samping itu, pihak penganjur juga telah mengambil pendekatan yang menarik dengan memasukkan slot "Pop-Up" iaitu sesi singkat yang memberikan beberapa maklumat tentang Gereja dan isu-isu seperti "Eco-Warrior", "Belia Bersinodaliti", "I am Catholic, Forever a Catholic" dan "Ha-

puskan Buli".

Sesi terakhir adalah aktiviti dalam kumpulan di mana para peserta diagihkan kepada beberapa kumpulan, membuat renungan peribadi dan berkongsi tentang "Bagaimana saya dapat menjadi seorang Katolik yang berkualiti?"

Rekoleksi diakhiri dengan sesi bergambar dan gotong-royong.

Pakistan dikritik gagal lindungi minoriti

PESHAWAR: Pakistan mendapat kecaman kerana terkait dengan pelanggaran hak asasi manusia (HAM), lebih-lebih lagi kerajaan itu gagal melindungi hak-hak minoriti serta membiarkan serangan terhadap agama-agama minoriti, demikian laporan HAM terbaharu dari Jabaran Luar Negara Amerika Syarikat.

Laporan Negara tentang Praktik Hak Asasi Manusia 2023, yang diterbitkan pada April 23 lalu, mencakupi hak-hak individu, sivil, politik dan pekerja antarabangsa, sebagaimana tercantum dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan perjanjian antarabangsa lain.

Laporan itu juga mengatakan tidak ada perubahan signifikan dalam situasi HAM di Pakistan tahun lalu.

Penganiayaan terhadap agama-agama mi-

noriti terus berlanjutan di Pakistan pada tahun 2023 termasuk penukaran agama secara paksa, perkahwinan bawah umur dan paksa serta serangan terhadap penganut agama minoriti.

Pakistan adalah rumah bagi sekitar 241 juta orang, 96.3 peratus rakyatnya beragama Islam, 1.6 peratus Hindu dan 1.6 peratus merupakan penganut Kristian.

Kumpulan agama minoriti lain adalah seperti Sikh, Buddha dan Zoroastrian di mana bilangannya kurang dari satu peratus, kata Komisi Kebebasan Beragama Antarabangsa AS.

Menurut Pusat Penelitian dan Studi Keamanan (CRSS) yang berpusat di Islamabad, sebanyak 193 kejadian kekerasan terjadi terhadap kumpulan agama minoriti di



Para wanita Katolik di Pakistan menangis selepas Gereja Segala Orang Kudus diserang pada Sept 23, 2013 dan mengakibatkan lebih 80 kematian. Gambar: ucanews.com

Pakistan tahun lalu.

CRSS melaporkan 35 orang penganut agama minoriti telah terbunuh akibat serangan sektarian tahun lalu, dibandingkan dengan 19 kematian tahun 2022.

Zohra Yusuf, seorang aktivis hak asasi manusia, wartawan dan bekas pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pakistan (HRCP), mengatakan, “situasi ini hanya dapat bertambah baik apabila orang ramai dididik mengenai hak asasi manusia dan ia menjadi subjek dalam kurikulum sekolah agar kanak-kanak boleh mempelajarinya dari usia muda!” — ucanews.com

Uskup Asia bina komuniti tindakan iklim



Para peserta konferensi ekologi anjuran Federasi para Uskup Asia di Tagaytay, Filipina baru-baru ini. Gambar: LiCAS.news

TAGAYTAY: Lebih 30 pekerja Gereja dari pelbagai persidangan uskup di Asia berkumpul di Filipina untuk bengkel tiga hari untuk membina komuniti menangani krisis iklim, bermula April 14 lalu.

Bengkel yang dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Manusia – Meja Perubahan Iklim (OHD-CCD) Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC), dihoskan oleh Caritas Filipina di Kota Tagaytay.

Para peserta terlibat dalam perbincangan menyeluruh tentang iklim semasa dan isu kemampanan yang dihadapi rantau ini.

Mereka juga berkongsi amalan terbaik dan pelan tindakan dalam memerangi kesan krisis iklim.

Uskup Allwyn D'Silva dari Mumbai, pengerusi OHD-CCD, berkata Gereja Katolik harus “lebih terlibat” dalam pelbagai isu alam sekitar kerana “Asia adalah rumah kepada banyak negara yang terdedah kepada perubahan iklim.”

Prelatus itu mencabar Gereja-gereja di Asia untuk “membina jaringan penyokong dan orang-orang yang mengutamakan kesejahteraan bersama bagi menerajui tindakan iklim serta memupuk

komuniti yang pantas bertindak menangani krisis iklim. Semasa bengkel itu, Dr Benedict Alo D'Rozario, presiden Caritas Asia, membincangkan bagaimana tindakan sosial dan senjata kemanusiaan Gereja Katolik, cuba mempertahankan dan memperkasakan masyarakat terhadap kesan krisis ekologi.

Dalam salah satu sesi, peguam dan pakar dasar alam sekitar, Antonio La Viña menggesa komuniti Katolik untuk mengambil tindakan iklim segera kerana “kita kesuntukan masa, bukan kerana dunia akan berakhir, tetapi kepupusan manusia dan makhluk lain.”

Konferensi para uskup yang mengambil bahagian adalah dari Filipina, Myanmar, Indonesia, Thailand, Vietnam, Malaysia, Jepun, Nepal, Sri Lanka, Bangladesh dan India.

Uskup Jose Colin Bagaforo, presiden Caritas Filipina, menyifatkan pertemuan daripada pelbagai Gereja Katolik di rantau ini sebagai langkah penting dalam “membangunkan tindak balas yang lebih komprehensif dan berkesan terhadap krisis ekologi.” — LiCAS.news



Ketua HAM PBB kesal kanak-kanak, wanita terbunuh di Rafah

RAFAH, Palestine: Pesuruhjaya Tinggi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Asasi Manusia, Volker Türk telah menyeru para pemimpin dunia untuk “bersatu demi melindungi penduduk awam yang terperangkap di Rafah” di mana sebarang pencerobohan ketenteraan oleh tentera Israel akan “membawa lebih banyak kematian, kecederaan dan migrasi berskala besar — malah jenayah kekejaman akan terus berlanjutan.”

Dalam satu kenyataan pada April 23, Ketua Hak Asasi Manusia PBB kesal serta mengutuk imej terbaharu seorang kanak-kanak pramatang yang diambil dari rahim ibunya yang sedang tenat manakala 15 orang kanak-kanak telah dibunuh di dua buah rumah.

Sehingga 22 April, menurut pihak berkuasa di Gaza, daripada 34,151 rakyat Palestine yang terbunuh di Gaza, 14,685 adalah kanak-kanak dan 9,670 wanita. 77,084 lagi telah cedera dan lebih 7,000 yang lain diandaikan terperangkap di bawah runtuhan.

Türk menegaskan bahawa “setiap 10 minit seorang kanak-kanak terbunuh atau cedera dan meskipun mereka dilindungi di bawah undang-undang perang, namun mereka adalah insan yang paling berisiko, nyawa mereka sentiasa terancam.”

Beliau juga berasa ngeri dengan kemusnahan Kompleks Perubatan An Nasser dan Kompleks Perubatan Al Shifa serta laporan penemuan kubur besar di dalam dan sekitar lokasi ini.

Türk telah menggesa siasatan bebas, berkesan dan telus terhadap laporan-laporan tersebut. Pesuruhjaya Tinggi itu berkata penderitaan luar biasa yang disebabkan oleh peperangan, kesengsaraan, kemusnahan, kebuluran, penyakit dan risiko konflik yang lebih meluas — harus segera diakhiri buat selama-lamanya.

Beliau mengulangi gesaannya untuk gencatan senjata segera, pembebasan tebusan dan mereka yang ditahan dalam tahanan serta aliran bantuan kemanusiaan yang tidak terhalang. — media Vatikan

Aktivis belia dakwa kerajaan Korea Selatan tidak serius tangani krisis iklim

SEOUL: “Akta Rangka Kerja Mengenai Karbon Rendah, Pertumbuhan Hijau” kerajaan Korea Selatan tidak mencukupi untuk mengekalkan pemanasan global di bawah dua darjah Celsius, dakwa sekumpulan aktivis belia.

Pada tahun 2020, sembilan belas orang muda memfailkan aduan di hadapan Mahkamah Perlembagaan negara, dengan alasan bahawa tindak balas kerajaan yang tidak mencukupi terhadap perubahan iklim di mana ia melanggar hak asasi mereka, termasuk hak untuk hidup dan hak untuk persekitaran yang bersih.

Tuntutan di Korea Selatan adalah salah satu daripada jumlah kes yang semakin meningkat terhadap kerajaan, yang dituduh gagal menghentikan perubahan iklim global.

Awal bulan April lalu, mahkamah hak asasi manusia (HAM) tertinggi Eropah memberi keputusan terhadap tiga kes berkaitan perubahan iklim.

Mahkamah HAM tertinggi Eropah menolak dua kes tetapi bersetuju dengan plaintiff bahawa kerajaan Switzerland telah melanggar hak sekumpulan wanita Switzerland kerana gagal mengurangkan kuantiti pelepasan gas.

Menjelang perbicaraan di Korea Selatan, aktivis berkumpul di luar mahkamah untuk mengkritik tindakan kerajaan yang tidak bertindak terhadap perubahan iklim. Dalam satu kenyataan, plaintiff berhujah, “Rancan-



Sidang perubahan iklim perlembagaan bermula di Korea Selatan.

gan iklim semasa Korea Selatan tidak mencukupi untuk mengekalkan peningkatan suhu dalam lingkungan 1.5 darjah Celsius, sekali gus melanggar kewajipan negara untuk melindungi hak asasi.” Semasa hujah awal, peguam kerajaan menolak dakwaan kerajaan melanggar hak asasi rakyat dan berkata kerajaan tidak mendiskriminasi golongan muda.

Mereka mendakwa pihak berkuasa melakukan segala yang mereka mampu untuk mengurangkan pelepasan karbon, sambil menyatakan bahawa pelarasan boleh dibuat berdasarkan sasaran tahunan untuk pengurangan karbon. — media Vatikan

AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tiga kebajikan rohani, tonggak hidup Kristian

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus membuka lembaran baharu dalam siri katekesisnya mengenai kebajikan dengan menyampaikan renungan tentang tiga kebajikan teologi — iman, harapan dan amal — yang dinyatakan oleh Bapa Suci sebagai tonggak utama kehidupan Kristian.

Bapa Suci turut mengajak umat untuk merenung beberapa warisan Sri Paus Sto Yohanes untuk meneguhkan lagi katekesisnya.

“Melihat kehidupan Sri Paus Yohanes Paulus II, kita dapat melihat perkembangan hebat kehidupannya yang terbuka serta menerima karunia-karunia Tuhan: iman, harapan, dan amal,” kata Sri Paus Fransiskus kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus, menjelang ulang tahun ke-10 kanonisasi Sto Yohanes Paulus II.

“Teladanilah warisan-warisan Sri Paus Paulus II yang selalu mempromosi kehidupan dan jangan terpedaya dengan budaya kematian. Melalui perantaraan-Nya, kita memohon kepada Tuhan untuk anugerah perdamaian di mana sepanjang hayatnya, Santo itu tidak pernah lelah bekerja keras demi perdamaian.”

Sri Paus “membangkitkan” warisan pendahulunya dalam konteks tiga kebajikan teologi, yang disifatkannya sebagai “sifat-sifat asas” kehidupan Kristian dan “penawar yang hebat untuk berdikari.”

“Orang Kristian tidak pernah bersendirian. Sto Yohanes Paulus berbuat baik bukan sahaja kerana komitmen peribadinya tetapi dia melakukannya sebagai murid yang rendah hati, dia berjalan di belakang Sang Guru iaitu Yesus.”

Mengingat kembali renungannya sebe-



Sri Paus Fransiskus menyapa para penziarah di Dataran Sto Petrus selepas audiensi umum Hari Rabu pada April 24, 2024. Gambar: Media Vatikan.

lum ini tentang empat kebajikan utama — kebijaksanaan, keadilan, ketabahan, dan kesederhanaan — Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa kebajikan-kebajikan itu adalah agen kehidupan yang baik” tetapi tiga kebajikan teologi adalah tonggak yang membawa orang Kristian “ke arah kepenuhan hidup,” lebih-lebih lagi apabila ketiga-tiga kebajikan teologi itu dihayati serta diamalkan dalam hubungan dengan Tuhan dan sesama.

Bapa Suci menegaskan bahawa empat kebajikan utama itu tidak “diganti” dalam agama Kristian tetapi “dipertingkatkan, disucikan dan disepadukan dalam agama Kristian.”

Prelatus itu menekankan bahawa dengan menjalani kehidupan berdasarkan nilai-nilai teologi, ia akan membina tembok kuat terhadap kejahatan iaitu kesombong, yang boleh “merosakkan seluruh usaha kebaikan dalam kehidupan.”

“Seseorang mungkin telah melakukan segunung perbuatan baik, tetapi jika dia melakukan semua ini hanya untuk dirinya sendiri, demi kemegahan, masih bolehkah dia menyebut dirinya orang yang berbu-di?”

Oleh itu Bapa Suci mengingatkan umat beriman: “Jika kita membuka hati kita kepada Roh Kudus, Dia menghidupkan kembali kebajikan teologi dalam diri kita. Jika kita telah hilang keyakinan tetapi kita membukakan hati kita kepada-Nya: Dia akan menuntun kita semula kepada iman; ketika kita putus harapan, Tuhan membangkitkan harapan dalam diri kita; jika hati kita keras, Tuhan melembutkannya dengan kasih sayangnya.”

Pada akhir audiensi, Sri Paus Fransiskus kembali menyeru perdamaian untuk Ukraine, Myanmar, Israel dan Palestine serta mengulangi gesaannya bahawa “Peperangan adalah kekalahan!” — *CNA*

Bakal jalani pembedahan? Enam petikan Alkitab untuk anda

Menghadapi pembedahan boleh menjadi pengalaman yang mendebarakan dan menakutkan.

Tetapi anda tidak bersendirian dalam hal ini. Kitab Suci menawarkan kata-kata penghiburan, kekuatan dan jaminan untuk menenangkan hati anda yang gelisah.

Berikut adalah enam ayat dari Kitab Suci, masing-masing membawa pesan harapan yang unik untuk menemani anda melalui masa yang mencabar ini.

- *Janganlah hendaknya kamu kkuatir tentang apa pun juga tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Tuhan dalam doa dan permohonan den-*

gan ucapan syukur. Damai sejahtera Tuhan yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus (Filipi 4:6-7).

- *Janganlah takut, sebab Aku menyertai engkau, janganlah bimbang, sebab Aku ini Tuhan; Aku akan meneguhkan, bahkan akan menolong engkau; Aku akan memegang engkau dengan tangan kanan-Ku yang membawa kemenangan (Yesaya 41:10).*

- *Sekalipun aku berjalan dalam lembah kekelaman, aku tidak takut bahaya, sebab Engkau besertaku; gada-Mu dan tongkat-*

Mu, itulah yang menghibur aku (Mazmur 23:4).

- *Telah Ku perintahkan kepadamu: kuatkan dan teguhkanlah hatimu. Janganlah kecut dan tawar hati, sebab Tuhan, menyertai engkau, ke manapun engkau pergi (Yosua 1:9)*

- *Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu. Pikullah kuk yang Ku pasang dan belajarlah pada-Ku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati dan jiwamu akan mendapat ketenangan. Sebab kuk yang Ku pasang itu enak dan beban-Ku pun ringan (Matius 11:28-30).*

- *Tuhan Pelindung dan Pemberi kekuatan kepada kita, sentiasa sedia menolong pada waktu kesusahan. (Mazmur 46:1)*

Semasa anda bersiap untuk pembedahan, semoga ayat-ayat dari Kitab Suci ini dapat menjadi cahaya harapan, mengingatkan anda tentang kasih dan kehadiran Tuhan yang tidak putus-putus.

Percayalah pada janji-janji-Nya, bersandar pada kekuatan-Nya, dan menemui penghiburan dalam damai sejahtera-Nya. — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Jadi penyalur berkat

Tahun 2020, tepatnya pada Oktober 10 adalah tarikh sukacita besar umat Katolik seluruh dunia, khususnya bagi kaum muda di mana seorang remaja bernama Carlo Acutis dibeatifikasi di Asisi, Italia.

Dalam sejarah Gereja, pertama kalinya pada abad ke-20 atau zaman milenial, ada Beato termuda “Carlo Acutis” yang ditetapkan oleh Sri Paus Fransiskus sebagai “Pelindung Internet.”

Mengapa tiba-tiba Beato muda ini diabdikan dalam ruangan ini? Bukankah elok artikel ini ditulis dalam Ruangan Belia?

Ada sesuatu tentang Beato Carlo yang membuatkan saya sangat tersentuh. Carlo Acutis hanya hidup selama 15 tahun sahaja. Jangka hayatnya begitu singkat bukan? Namun, Carlo Acutis mampu mengisi waktu hidupnya yang singkat dengan pelbagai hal yang positif dan bermakna, bukan sahaja dirasakan oleh keluarganya tetapi untuk semua kita.

Ya, hidup kita ini sangat singkat. Selepas pandemik yang meragut ribuan nyawa, kita terus diancam dengan pelbagai bencana dan penyakit.

Saya perhatikan, vaksin untuk kanak-kanak juga semakin bertambah. Misalnya polio dan pneumokokal.

Tetapi penyakit-penyakit aneh tetap muncul. Misalnya yang terbaharu, penyakit melioidosis yang sempat menggemparkan masyarakat tempatan.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah, hidup kita sangat berharga. Memandangkan pelbagai bencana, penyakit silih berganti dan peperangan di pelbagai belahan dunia, pernahkah kita terfikir, apakah hidup kita sudah menjadi berkat?

Saya percaya, Beato Carlo Acutis boleh dijadikan teladan dan memampukan kita untuk menjadi penyalur berkat untuk sesama.

Tidak mudah menjadi pembawa berkat. Pasti banyak rintangan dan godaan. Namun saya percaya, dengan selalu mohon doa perantaraan Beato “Carlo Acutis” dan para santo lain, kita akan lebih terdorong untuk mengusahakan sesuatu yang lebih agar semakin ramai orang yang merasakan berkat Tuhan melalui apa yang kita buat.

Jangka hayat kita mungkin lebih lama daripada Carlo, tetapi adakalanya, kita terlelap bahkan sampai terlena disebabkan kesibukan dan kesenangan peribadi.

Mungkin, langkah sederhana yang dapat kita lakukan ialah menggunakan Internet untuk sesuatu hal positif misalnyaewartakan mukjizat Ekaristi di seluruh dunia seperti Beato Carlo.

Carlo mampu mematahkan anggapan bahawa Internet itu tidak selalu membawa kesan negatif dalam kehidupan era moden.

Tidak hanya itu, melalui penderitaan sakit yang dialaminya, Carlo Acutis mengajak kita semua, terutama untuk kaum milenial agar berani mempersembahkan apapun yang kita miliki dan rasakan untuk Tuhan, Gereja, serta sesama agar nama Tuhan semakin dimuliakan.

Carlo Acutis bukan seorang yang berdoa dan berkarya dari sebuah biara namun hanya seorang remaja muda yang dipilih Tuhan untuk menyatakan rencana-Nya pada kita semua.

Sempena Tahun Jubli Harapan 2025, seperti Beato Carlo yang memiliki cinta khusus kepada Tuhan dan Bonda Maria, mari kita persiapkan diri kita untuk menyambut tahun jubli penuh berkat itu.

Dan dua tahun dari sekarang, buat pertama kalinya para Uskup, klerus, religius dan umat awam akan berhimpun dalam Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026). Jadi kita ada banyak alasan untuk berdoa!



Tidak kira apa pun cabaran yang kita hadapi, Yesus berjalan di samping kita, memberikan keselesaan dan jaminan.

St Joseph Kubunau anjur rekoleksi wanita beriman



KUALA PENYU: Buat julung kalinya, Kerasulan Wanita Katolik (KWK) Gereja St Joseph, Kubunau, salah satu Gereja di bawah pentadbiran paroki St Peter, Bundu, telah menganjurkan rekoleksi untuk para wanita Katolik bertema, "Wanita Beriman dan Berani Bersaksi bagi Kristus". Rekoleksi sehari pada April 20 itu, disertai seramai 185 peserta. Acara dimulakan dengan lagu-lagu pujian, diikuti doa pembukaan.

Kemudian, melalui sesi "Spiritualiti Wanita", Sr Florence Idang FSIC mengajak para peserta menjadikan Bunda Maria sebagai idola kerana ketabahan serta kerendahan hatinya malah peranannya cukup besar dalam sejarah penyelamatan manusia.

Sesi seterusnya yang dikendalikan oleh Sdri Nancy Nelly Joney dari Katedral St Francis Xavier Keningau, membawa para peserta mengenal

identiti dan keluhuran diri sebagai seorang wanita Katolik.

Sesi pada petang diisi dengan perkongsian pengalaman iman daripada Sdri Nancy.

Beliau mengongsikan bahawa seorang wanita akan berani bersaksi setelah mengenal diri, mengenal potensi dan membuka hati terhadap campurtangan Roh Kudus.

Rekoleksi untuk para wanita ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Roney Mailap.

Dalam homilinya, Fr Roney mengingatkan para peserta supaya tidak terperangkap dalam perjuangan yang bersifat feminisme yang ekstrem.

Katanya memang baik memperjuangkan hak-hak wanita yang tertindas dan memperjuangkan martabat wanita, namun ini harus dilakukan selaras dengan Injil, bukan menjatuhkan atau mengalahkan kaum lelaki.

"Ini adalah kerana wanita dan

lelaki dicipta menurut gambar dan rupa Tuhan. Semua yang dicipta Tuhan adalah baik dan diberkati," kata Fr Roney.

Dalam komposisi awal 12 Rasul Yesus yang diketuai oleh Petrus, terdapat juga rasul-rasul wanita yang bermula dari bunda Tuhan iaitu Santa Perawan Maria.

Kehadiran wanita dalam kerasulan hidup Yesus melengkapinya peribadi Tuhan. Dalam konteks Keuskupan Keningau, setiap kongregasi atau kelompok itu dipanggil rasul. Oleh sebab itu kumpulan "Kerasulan Wanita" bukanlah untuk saling bersaing dengan pelayanan lain, sebaliknya saling melengkapi untuk berjalan bersama sebagai Gereja Sinodal.

Pengerusi Penganjur Rekoleksi Pertama Wanita Katolik, Sdri Elizabeth Miasin, mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan dan terima kasih kepada paderi, penceramah dan semua yang terlibat. — *Stella Eming*

Pemimpin Ibadat Sabda mantapkan kemahiran menyampaikan renungan

TELUPID: Memberikan perkongsian ataupun menyampaikan renungan adalah perkara yang wajib dalam perjalanan liturgi Ibadat Sabda dan kemahiran ini harus dikuasai oleh setiap pemimpin Ibadat Sabda.

Justeru, bagi memantapkan kemahiran menyampaikan renungan, Komiti Katekis St Martin Telupid telah menganjurkan "Bengkel Memberikan Renungan" baru-baru ini yang disertai 65 orang pemimpin Ibadat Sabda.

Bengkel ini dimulakan dengan sesi pertama yang disampaikan oleh Fr Christopher Ireneus. Berpandukan kepada Seri Dokumen Gerejawi No.113 berkenaan dengan Pedoman Homili (*Direttorio Omiletico*), Fr Christopher menjelaskan apa itu homili, renungan dan perkongsian.

Katanya, menyediakan renungan memerlukan persiapan rapi misalnya mengenal pasti tema renungan, melakukan rujukan tambahan melalui pelbagai sumber lain, menyusun draf dan sebagainya.

Selain itu, pemimpin Ibadat Sabda juga perlu bijak menyusun dan memilih kata-kata agar tidak menyinggung mana-



Fr Christopher Ireneus

mana pihak.

Seterusnya, para peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan kecil untuk tugas ringkas iaitu menyediakan renungan berpandukan pembacaan Hari Minggu Paskah ketiga.

Selesai perbincangan, seorang wakil bagi setiap kumpulan menyampaikan hasil renungan.

Setiap renungan yang dibentangkan, diberi penambahbaikan dan ulasan membina oleh Fr Christopher.

Pada sesi terakhir, para peserta diberi taklimat mengenai tatacara pengendalian komuni kudus.

Selepas bengkel, empat orang umat awam menerima pengutusan sebagai pemimpin Ibadat Sabda.

Lebih 200 hadir Seminar Pembebasan dari Syaitan

PETALING JAYA: Seminar mengenai "Pembebasan dari kuasa jahat (Deliverance) dan Eksorsisme (*Exorcism*)" anjuran CHARIS Kuala Lumpur, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada klerus dan umat dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Kuching dan Pulau Pinang.

Ia dimulakan dengan sesi bertajuk "Kajian tentang kuasa kejahatan" oleh Fr Jose C. Syquia (ketua paderi pengusir syaitan) dan Fr Winston F. Cabading (paderi eksorsis) dari Keuskupan Agung Manila, Filipina.

Fr Jose menekankan realiti bahawa kewujudan Syaitan, menentang anggapan lazim yang menganggap kuasa kegelapan adalah mitos.

Paderi itu memetik kata Bapa Suci yang menegaskan, "Syaitan itu wujud dan kita mesti melawannya."

Menurut Fr Jose, musuh utama Syaitan adalah Tuhan dan manusia sering terperangkap dalam pertempuran.

Beliau juga menjelaskan perbezaan antara istilah "Syaitan" dan "Iblis", syaitan merujuk kepada Syaitan atau Lucifer, ketua

malaikat yang memberontak, manakala iblis adalah malaikat yang mengikuti Syaitan.

Fr Jose dan Fr Winston membimbing para peserta untuk menemui pelbagai bentuk doa. Doa-doa tersebut termasuklah Doa Pembebasan, yang boleh didoakan oleh orang awam, agamawan, paderi dan pengusir Syaitan manakala Pengusiran Syaitan Rasmi hanya boleh didoakan oleh paderi dijalankan semata-mata oleh imam yang ditahbiskan atau prelatus di jabatan yang lebih tinggi dengan kebenaran eksplisit uskup tempatan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang Kanonik.

Tidak semua orang yang mendakwa atau dianggap "diganggu" oleh kuasa kegelapan memerlukan eksorsisme. Menurut Fr Jose dan Winston, sebelum upacara pelepasan dan eksorsisme, "pesakit" biasanya diberi kaunseling dan menjalani beberapa proses terlebih dahulu bagi mengenal pasti "masalah" atau gangguan.

Pelayanan Pembebasan dan Eksorsisme dari Keuskupan Agung Kuching yang diketuai oleh Friar Don Ron Romero Re-



merez (dilantik sebagai paderi pengusir syaitan oleh Uskup Agung Kuching) mengatakan kedua-dua paderi, Fr Jose dan Winston merupakan "guru" yang bijaksana dan berpengalaman.

Fr Don Don berpesan bagi mereka yang mahu melibatkan diri dalam pelayanan ini, harus bekerjasama erat dengan Gereja dan para klerus." Seminar diakhiri dengan peringatan bahawa kita tidak bersendirian dalam pertempuran rohani dan kepentingan memahami malaikat. Malaikat wujud di alam ghaib manakala kita tinggal di alam

semula jadi.

Setiap orang, semasa lahir, mempunyai malaikat yang ditugaskan untuk melindungi kita semua. Terpulang kepada kita untuk memupuk dan mengeratkan perhubungan. Malaikat membimbing kita untuk lebih dekat kepada Bapa kita di Syurga.

Malangnya, ramai Katolik moden kurang mengambil perhatian akan hal ini. Mereka yang sentiasa berdoa dan membuka hati terhadap malaikat akan benar-benar merasai kekuasaan dan kelembutan kuasa perlindungan Tuhan.